

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	13 October 2015

PM: Majlis Minyak Sawit kejayaan terbesar Malaysia-Indonesia

um - 12/10/2015

KUALA LUMPUR 12 Okt. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan penubuhan Majlis Minyak Sawit Antarabangsa sebagai kejayaan terbesar dalam hubungan dua hala Malaysia dengan Indonesia.

Beliau berkata, hubungan erat yang terjalin antara kedua-dua negara akan terus dapat dikukuhkan dengan penubuhan majlis tersebut.

“Dengan penubuhan Majlis Minyak Sawit Antarabangsa, saya

yakin adalah kejayaan terbesar hubungan dua hala ini.

“Penubuhan majlis ini juga bersejarah dan bermakna bagi negara pengeluar kelapa sawit serta akan memberi manfaat industri secara bersama,” katanya menerusi laman sosial Facebook miliknya hari ini.

Najib mengadakan lawatan dua hari ke Indonesia bermula semalam bagi mengadakan rundingan dengan Presiden negara itu, Joko Widodo.